RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

BIL. 1/2019

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)



DuitNow – Apa Yang Anda Perlu Tahu



Panduan Kewangan Berkesan Untuk Pasangan Muda



12 Perancangan Kewangan Individu untuk tahun 2019

Transaksi Tanpa Tunai Yang Selamat

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Transaksi Tanpa Tunai Yang Selamat



Sistem e-pembayaran merupakan kaedah melakukan transaksi barangan dan perkhidmatan melalui sistem pembayaran elektronik atau sistem pembayaran dalam talian. Sistem pembayaran elektronik telah berkembang sejak sedekad yang lalu disebabkan oleh kepesatan dalam sektor perbankan dan peningkatan pembelian melalui internet. Ketika dunia semakin maju dengan pembangunan teknologi, sistem pembayaran elektronik dan peranti pemprosesan pembayaran turut mengalami perubahan yang pesat.

Bank Negara Malaysia (BNM) mentakrifkan wang elektronik *(e-money)* sebagai instrumen pembayaran yang menyimpan dana secara elektronik sebagai tukaran kepada dana yang dibayar kepada pengeluar wang elektronik dan boleh digunakan untuk membuat pembayaran kepada mana-mana pihak selain pengeluar wang elektronik tersebut. Wang elektronik boleh dikeluarkan dalam pelbagai bentuk, sama ada berasaskan kad atau rangkaian (seperti dompet elektronik menerusi peranti mudah alih).

Dana terkumpul wang elektronik akan disimpan di dalam akaun amanah / akaun deposit yang dikhususkan di institusi kewangan berlesen. Pengeluar wang elektronik adalah dilarang untuk membayar faedah atau keuntungan ke atas baki wang elektronik dan menggunakan wang elektronik untuk memberi pinjaman kepada orang lain.

Penggunaan *e-money* adalah lebih selamat, mudah dan boleh dikesan. Selain itu, kesilapan yang dilakukan oleh juruwang juga dapat dikurangkan.

Kad debit dan kad kredit adalah pilihan transaksi tanpa tunai yang paling lazim digunakan di Malaysia. Transaksi mudah alih menjadi semakin popular dengan jumlah perniagaan dalam talian yang semakin meningkat. Selain itu, teknologi baharu telah dilengkapi dengan kad pembayaran dan penggunaan telefon pintar dengan ciri pembayaran tanpa sentuh. Ciri-ciri ini mempercepatkan proses pembayaran.

Dalam kaji selidik yang dijalankan oleh Visa Inc. mendapati lebih daripada tiga juta transaksi tanpa sentuh pada setiap bulan. Kad yang dimuatkan dengan wang tunai boleh digunakan untuk membayar tol di lebuh raya dan tempat letak kereta. Kini ia telah berkembang untuk digunakan dalam rangkaian runcit, restoran, pengangkutan awam dan penjagaan kesihatan.

Walaupun sistem tanpa tunai semakin meningkat dan diterima secara lebih meluas, terdapat beberapa halangan terhadap perkembangannya. Sistem tanpa tunai masih belum diterima sepenuhnya oleh sektor perniagaan. Masih terdapat sektor perniagaan yang menerima wang tunai sahaja. Oleh itu, walaupun pengguna mungkin telah dilengkapi instrumen tanpa tunai, pembekal dan peniaga perlu menukar polisi mereka sebelum transaksi tanpa tunai dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Walaupun ramai pengguna Malaysia yang menggunakan sistem tanpa tunai, khususnya dalam kalangan masyarakat di bandar, masih ramai juga pengguna yang bergantung kepada wang tunai, terutama masyarakat yang tinggal di luar bandar. Usaha untuk mengubah minda dan menanam keyakinan terhadap sistem tanpa tunai mungkin mengambil sedikit masa.

Kajian Visa Inc. juga mendapati semakin ramai rakyat Malaysia yang yakin dengan sistem tanpa tunai. Enam daripada sepuluh responden mengatakan mereka akan menggunakan sistem tanpa tunai sepanjang masa. Dalam



selidik Visa Inc. mendapati lebih daripada juta transaksi tanpa sentuh setiap bulan."

kajian yang sama seterusnya, menunjukkan bahawa lebih daripada 50% rakyat Malaysia mempunyai lebih banyak kad pembayaran berbanding dua tahun lalu, dengan separuh daripada responden memilih pembayaran tanpa tunai atau tanpa sentuh.

Pengguna juga perlu menyedari akan risiko sistem pembayaran tanpa tunai dan perlu mempunyai pengetahuan untuk melindungi diri mereka sendiri. Antara risiko yang perlu dihadapi ialah:

- Penipu menggunakan aplikasi pembayaran dalam talian palsu di pasaran yang boleh mencuri butir-butir peribadi dan perbankan anda seperti ID log masuk dan kata laluan perbankan, nombor kad kredit / debit, dan lain-lain.

- Penipu mewujudkan laman sesawang palsu. Laman sesawang ini kelihatan sama seperti laman sesawang perbankan atau portal membeli-belah yang akan memancing dan mencuri maklumat anda. Penipu boleh menggunakan maklumat tersebut untuk mengugut anda.

- Anda mungkin menerima e-mel dengan pautan yang menawarkan diskaun jika anda membeli barangan dari laman sesawang tertentu. E-mel tersebut mungkin e-mel palsu yang akan mengarahkan anda ke laman sesawang palsu atau dijangkiti perisian hasad *(malware)*.

- Anda juga boleh menerima SMS atau mesej *WhatsApp* yang mengesyorkan anda memuat turun aplikasi mudah alih untuk pembayaran dalam talian. Ini juga boleh jadi palsu.

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan secara berkala sebanyak enam edisi mulai tahun 2019. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7873 0636
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

- Rangkaian Wi-Fi yang bebas, tidak selamat boleh direka oleh penipu untuk menipu pengguna yang tidak berhati-hati.



Panduan untuk transaksi tanpa tunai yang selamat:

1. Muat turun aplikasi pembayaran dalam talian hanya dari kedai rasmi seperti *Google Play Store* dan *Apple Play Store*.

2. Sebelum anda memuat turun sebarang aplikasi, dapatkan pengesahan mengenai pembuat aplikasi tersebut. Baca juga ulasan daripada penggunanya.

3. Lebih penting lagi, baca kebenaran yang diminta oleh aplikasi. Jika aplikasi tersebut meminta lebih banyak maklumat daripada apa yang sepatutnya, maka lebih baik jangan memuat turun aplikasi tersebut.

4. Jangan sekali-kali mengunjungi laman sesawang perbankan atau membeli-belah dalam talian dengan menggunakan pautan yang diterima melalui e-mel atau pesanan ringkas.

5. Pilih laman sesawang yang anda yakini untuk membuat pembayaran anda.

6. Memastikan terdapat dua bentuk pengesahan untuk transaksi perbankan melalui internet melalui pembayaran menggunakan kad kredit / debit anda. Ini bererti apabila anda membuat pembayaran, anda akan diminta untuk mengesahkan diri anda sebanyak dua kali. Sebagai contoh, semasa membayar melalui perbankan internet, anda akan memasukkan ID dan kata laluan masuk dan juga OTP / TAC (kod yang dihantar ke nombor mudah alih berdaftar anda) sebelum anda dapat membuat pembayaran akhir. Oleh itu, walaupun penipu berjaya mencuri maklumat perbankan anda, mereka tidak akan dapat melakukan tanpa OTP / TAC. Oleh yang demikian, jangan sekali-kali berkongsi OTP / TAC anda dengan pihak ketiga.



7. Sentiasa pilih kata laluan yang kukuh untuk akaun pada aplikasi perbankan internet atau pembayaran dalam talian. Pastikan kata laluan anda sekurang-kurangnya mengandungi lapan aksara, mempunyai gabungan huruf besar dan kecil, nombor dan simbol. Contohnya, '*Cool15is@King*'

8. Elakkan membuat transaksi tanpa tunai daripada komputer awam seperti di kafe siber.

9. Jangan gunakan rangkaian Wi-Fi yang tidak selamat untuk membuat bayaran dalam talian. Melakukannya mungkin membiarkan penyerang mencuri maklumat anda.

10. Pasang penyelesaian antivirus pelbagai lapisan dengan ciri-ciri seperti di bawah:
    - Menyekat laman sesawang palsu, penipuan atau dijangkiti perisian hasad.
    - Menyekat e-mel yang membawa pautan atau lampiran yang berniat jahat.
    - Penyemak imbas selamat untuk transaksi perbankan dan membeli-belah yang selamat.

11. Pasang aplikasi keselamatan mudah alih yang boleh:
    - Menghalang aplikasi palsu atau berniat jahat daripada dipasang pada telefon pintar anda.
    - Menghalang akses ke laman sesawang palsu dan dijangkiti perisian hasad.
    - Membolehkan anda mengunci aplikasi anda (aplikasi pembayaran dalam talian seperti *PayTm*) dengan kata laluan untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan.

E-money dan *e-wallet* boleh melengkapkan penggunaan kad kredit dan kad debit untuk mempercepatkan proses pemindahan wang tunai dan cek di Malaysia.

Sumber: FOMCA



DuitNow
Apa Yang Anda Perlu Tahu

Semenjak 8 Oktober 2018, ramai pengguna menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada bank mereka untuk membuat pendaftaran perkhidmatan **DuitNow**. Ini menimbulkan kekeliruan sama ada SMS yang diterima mereka adalah sahih atau sebaliknya. SMS berkenaan adalah sebagai pra-pelancaran untuk memperkenalkan perkhidmatan tersebut, sekali gus memudahkan pendaftaran bagi pihak pelanggan bank.

DuitNow adalah perkhidmatan perbankan terbaharu yang diperkenalkan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd **(PayNet)**. PayNet juga sebelum ini telah menerajui beberapa perkhidmatan perbankan, antaranya MEPS untuk pengeluaran duit melalui ATM dan JomPay yang memudahkan pembayaran bil.

Apakah DuitNow?

DuitNow merupakan perkhidmatan perbankan baharu yang memudahkan pengguna menerima dan membuat pindahan wang kepada pihak ketiga secara selamat dan tidak terikat kepada penggunaan nombor akaun bank semata-mata.

Melalui DuitNow, pengguna boleh memautkan nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan awam (MyKad), nombor kad pengenalan tentera / polis atau nombor passport (untuk bukan warganegara) ke akaun bank mereka. Selepas memautkannya, pengguna boleh menerima pembayaran terus ke akaun mereka. Langkah ini sekali gus telah memudahkan beberapa proses pembayaran.

Selain itu, penggunaan DuitNow juga akan memudahkan syarikat atau agensi kerajaan untuk membayar terus ke dalam akaun anda menggunakan nombor pengenalan diri (ID) anda tanpa perlu meminta nombor akaun bank. Hal yang sama juga sekiranya pihak kerajaan ingin melakukan sesuatu pembayaran terus kepada rakyat. Simpanan rekod juga menjadi lebih mudah dengan menggunakan DuitNow.

Pada masa yang sama, DuitNow turut menyokong akaun perbankan milik syarikat. Syarikat boleh memautkan nombor pendaftaran syarikat mereka ke akaun bank dan seterusnya menerima pembayaran yang dibuat ke nombor pendaftaran syarikat mereka. Ini juga boleh meningkatkan kadar keyakinan pembeli terhadap syarikat berkenaan.

Secara keseluruhan, DuitNow dilihat sebagai langkah PayNet untuk memudahkan pengguna mengingati maklumat penerima pembayaran.

Bagaimanakah DuitNow Berfungsi?

DuitNow berfungsi seperti perbankan normal yang memerlukan pengguna memasukkan nombor telefon bimbit atau nombor (ID) pada ruang penerima, seterusnya memasukkan amaun yang ingin dipindahkan. Seperti pembayaran biasa, pengguna akan dibawa ke skrin seterusnya untuk mengesahkan maklumat penerima seperti nama penerima. Sebaik sahaja disahkan, pemindahan wang akan dilakukan seperti sedia kala.

DuitNow menawarkan pemindahan percuma untuk nilai bawah RM5,000.

Menurut PayNet, sekiranya nombor telefon bimbit atau ID tidak dipautkan ke nombor akaun, maka ia akan memaparkan mesej yang menunjukkan penerima berkenaan tidak wujud, sekali gus tidak membolehkan anda membuat pemindahan wang.

Penggunaan Nombor Telefon Bimbit / ID

Setiap nombor telefon bimbit atau ID boleh dipautkan ke satu bank sahaja. Sebagai contoh, sekiranya anda telah menerima SMS berkenaan nombor telefon yang dipautkan ke akaun Maybank, maka anda tidak boleh menggunakan nombor telefon yang sama untuk akaun bank lain. Anda perlu membatalkan pendaftaran tersebut terlebih dahulu sebelum dapat menggunakannya untuk perkhidmatan perbankan lain. Perkara yang sama juga untuk ID anda.

Pada masa ini, pendaftaran dan pembatalan pendaftaran diuruskan melalui bank secara dalam talian atau menggunakan aplikasi mudah alih sahaja.

Jaminan Keselamatan

Dengan penggunaan nombor telefon bimbit, ramai yang risau mereka akan tersilap dan melakukan pemindahan wang tanpa sengaja. Anda tidak perlu risau kerana pemindahan wang melalui DuitNow ini hanya satu hala sahaja dengan menggunakan perbankan dalam talian atau aplikasi mudah alih. Pengguna hanya boleh menerima pembayaran menggunakan nombor telefon bimbit atau ID mereka. Pengguna tidak boleh melakukan pembayaran menggunakan nombor telefon bimbit, sebaliknya perlu melakukannya melalui akaun bank mereka seperti biasa.

Melangkah ke Hadapan

Pengenalan DuitNow ini dijangka akan menjadi titik tolak untuk sejumlah perkhidmatan lain dalam arena kewangan. Sebagai contoh, dengan pengenalan DuitNow ini juga kita mungkin akan dapat melihat PayNet menggunakan kerangka sama dalam pengenalan sistem kod QR universal yang dinantikan ramai. Malah, ia juga mungkin memudahkan syarikat teknologi kewangan lain dalam mengintegrasikan kemudahan pembayaran, dan menambah baik penawaran masing-masing.

Sumber: Amanz.my



Panduan Kewangan Berkesan Untuk Pasangan Muda



Majlis perkahwinan yang mewah adalah idaman hampir setiap pasangan kerana ia berlaku mungkin hanya sekali dalam seumur hidup. Namun begitu, dalam merancang majlis perkahwinan dan rumahtangga, ramai pasangan muda melakukan kesilapan dalam pengurusan kewangan yang boleh menjejaskan masa hadapan mereka.

Sediakan diri anda untuk kebahagiaan rumahtangga dan kebebasan kewangan dengan mengikuti panduan untuk pasangan muda.

1. Fahami Bagaimana Pasangan Anda Membelanjakan Wang



Wang boleh menjadi isu sensitif bagi semua pihak, tidak terkecuali pasangan muda. Setiap pasangan harus memahami hubungan masing-masing dengan wang sebelum mengambil keputusan untuk berkongsi komitmen kewangan bersama-sama.

Anda harus mengetahui tabiat berbelanja pasangan anda. Dengan memahami sifat pasangan anda tentang wang, anda boleh merancang hal kewangan dengan lebih berkesan.

2. Bincang Soal Wang Sebelum Berkahwin



Hari perkahwinan adalah hari paling penting dalam kehidupan anda bersama. Walau bagaimanapun, realiti hanya akan datang selepas majlis tersebut berakhir. Jadi, anda harus berbincang tentang soal komitmen jangka masa panjang sebelum anda melangkah ke pelamin.

Adakah anda berdua mahu menjadi rakan kongsi yang setara dalam hal kewangan atau perkongsian setara itu mustahil? Apa yang penting di sini ialah komunikasi yang kerap dan jujur. Bincangkan sejarah dan matlamat kewangan masing-masing, termasuklah topik yang digeruni iaitu hutang bersama. Lebih awal anda mencapai kata sepakat dengan pasangan anda, lebih senang perhubungan anda dengan pasangan anda dalam aspek kewangan.

3. Bincangkan Matlamat Kewangan Jangka Masa Panjang



Matlamat kewangan boleh berubah dari semasa ke semasa. Ia bukan satu ketetapan pasti yang dicapai dengan hanya satu perbincangan. Luangkan masa setiap bulan untuk duduk berbincang tentang soal wang,

menilai keadaan dan mengatur semula matlamat kewangan bersama.

Perbincangan bulanan ini adalah masa yang terbaik untuk berbincang tentang kereta baharu yang diidamkan atau percutian ke luar negara yang diimpikan. Jika anda berdua jelas tentang apa yang anda mahukan, lebih mudah bagi anda merealisasikan matlamat bersama.

4. Mulakan Belanjawan Yang Realistik (Dan Berpegang Padanya)



Memulakan satu belanjawan yang konsisten mampu membantu anda dan pasangan pada masa hadapan. Langkah pertama ialah dengan melihat gaji bulanan dan perbelanjaan masing-masing.

Jika anda sedang merancang perkahwinan, fikirkan jumlah yang mampu dibelanjakan dan jumlah yang boleh disimpan. Cara terbaik untuk merancang belanjawan bagi perkahwinan ialah dengan mengurangkan jumlah pendapatan dan melebihkan anggaran kos di dalam belanjawan anda. Di samping itu, anda juga masih perlu menyimpan untuk keperluan kecemasan.

5. Sejajarkan Pelan Simpanan Persaraan ANDA



Persaraan yang selesa boleh dimiliki dengan merancang lebih awal. Setiap pasangan perlu meneliti pelan persaraan daripada majikan masing-masing dan pastikan setiap manfaat yang ada daripada pelan tersebut digunakan.

6. Pastikan Komunikasi Anda Jujur Dan Terbuka



Dalam perhubungan dan juga kehidupan, amat penting bagi kita memastikan komunikasi adalah jujur dan terbuka. Apa sahaja isu yang tersorok tentang hutang atau perbelanjaan pastinya akan mendatangkan kerumitan dan merosakkan pelan kewangan bersama. Oleh itu, pastikan anda mengamalkan perbualan terbuka dalam "janji temu kewangan" bulanan anda. Inilah peluang bagi anda menilai semula pelan kewangan bersama agar ia memenuhi kehendak dan gaya hidup anda.

7. Mulakan Perancangan Keluarga Dari Awal



Anda perlu bersedia untuk menimang cahaya mata. Namun begitu, kos membesarkan anak di Malaysia agak tinggi. Perancangan yang ideal perlu bermula sebelum anak dilahirkan agar anda mempunyai masa untuk membina kekuatan kewangan sebagai persediaan untuk menghadapi waktu tersebut.

8. Bersedia Untuk Menghadapi Apa Jua Keadaan



Kadangkala anda akan menghadapi situasi yang tidak dijangka seperti mesin basuh atau kenderaan rosak ataupun yang melibatkan soal kesihatan. Amat penting bagi anda memiliki sejumlah wang yang mampu menolong anda dalam situasi 'kemalangan' yang lazimnya muncul entah dari mana.

Apabila anda merancang untuk berkahwin dan memulakan keluarga, soal kematian juga perlu difikirkan. Seeloknya anda memiliki insurans nyawa atau takaful keluarga agar pasangan anda dapat dilindungi jika anda tiada kelak.

9. Melabur Dengan Bijak



Memulakan sesuatu pelaburan tidak memerlukan modal jutaan ringgit di dalam bank. Bagaimanapun, ia memerlukan fokus jangka masa panjang untuk anda membina aset bersama. Pelaburan anda mungkin bermodal serendah RM5,000 tetapi pastikan anda melaburkan jumlah yang anda selesa pada setiap bulan. Ini termasuk membina jaring keselamatan dengan jumlah gaji selama enam bulan sebelum anda memulakan portfolio pelaburan anda.

Sumber: www.aia.com.my



Perancangan Kewangan Individu

Untuk Tahun 2019

Setiap individu perlu mempunyai ***perancangan kewangan individu*** sendiri terutama ketika menghadapi keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan.

Tujuan ***perancangan kewangan individu*** perlu diadakan adalah supaya anda dapat mengurus kewangan dengan baik dan tidak terlibat dalam masalah hutang yang berlebihan.

Berikut adalah 12 intipati perancangan kewangan individu yang anda perlu tahu.

1. Mencukupkan Simpanan Kecemasan

Simpanan kecemasan sangat penting kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu. Antara perkara yang boleh berlaku dan memerlukan simpanan kecemasan ialah seperti kehilangan pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi.



2. Meningkatkan Simpanan Percutian



Bagi individu yang sudah berkeluarga, aktiviti percutian atau beriadah bersama-sama keluarga memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, anda perlu menyediakan satu simpanan untuk perbelanjaan aktiviti percutian.

3. Simpanan Perbelanjaan Tetap Tahunan



Antara perbelanjaan tetap tahunan yang wajib ada adalah seperti memperbaharui cukai dan insurans / takaful kenderaan dan perbelanjaan musim perayaan seperti hari raya.

4. Simpanan Perbelanjaan Persekolahan Anak-Anak

Perbelanjaan persekolahan anak-anak adalah termasuk kos pembelian barang keperluan seperti pakaian, buku dan alat tulis, selain kos pengangkutan dan perbelanjaan harian anak-anak di sekolah.



5. Dana Pendidikan Anak-Anak



Selain simpanan perbelanjaan sekolah, anda juga perlu menyediakan satu dana pendidikan tinggi untuk anak-anak. Dana pendidikan ini akan membantu untuk memudahkan anak anda mendaftar ke institut pengajian tinggi tanpa perlu membuat pinjaman pendidikan.

6. Dana Persaraan



Jika anda sudah mempunyai dana persaraan melalui pencen atau simpanan KWSP, anda perlu tingkatkan lagi dana persaraan melalui instrumen lain bagi memastikan dana persaraan anda mencukupi walaupun kos sara hidup meningkat.

7. Dana Derma



Kos sara hidup yang meningkat bukanlah satu alasan untuk anda berhenti membuat dana tabung derma.

8. Menambah Aset



Ramai yang membuat spekulasi bahawa harga rumah akan turun pada tahun ini dan juga tahun hadapan. Ini adalah peluang terbaik anda untuk menambah aset seperti pembelian rumah.

9. Mempelbagaikan Pelaburan



Anda perlu mempelbagaikan pelaburan supaya anda tidak bergantung kepada satu instrumen pelaburan sahaja untuk memperoleh pulangan keuntungan yang diharapkan.

10. Menyediakan Penggantian Dan Perlindungan Pendapatan



Anda perlu menyediakan satu pelan penggantian dan perlindungan pendapatan untuk keluarga anda. Penggantian ini akan membantu keluarga anda sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini atas diri anda. Contohnya, anda perlu mempunyai perlindungan insurans / takaful yang menyediakan keluarga dari segi kewangan jika sesuatu berlaku terhadap diri anda.

11. Menambah Sumber Pendapatan



Pada masa kini, setiap individu hanya berpeluang untuk menambah sumber pendapatan secara separuh masa. Jadikan media sosial sebagai platform untuk anda meningkatkan pendapatan.

12. Pengurangan Hutang



Jika masih ada lagi hutang-hutang kecil seperti kad kredit dan hutang peribadi, anda perlu selesaikan segera. Jadikan tahun 2019 sebagai tahun bebas hutang kecil anda. Hidup anda akan lebih tenang tanpa hutang-hutang kecil tersebut.

Sumber: www.duitkertas.com

Hak Sebagai **Peminjam Wang Berlesen**



Ramai dalam kalangan pengguna yang kurang arif mengenai cara-cara untuk membuat pinjaman wang daripada syarikat pemberi pinjam wang berlesen. Ramai pengguna mengadu bahawa mereka telah ditipu oleh syarikat pemberi pinjam wang yang mengenakan kadar faedah yang terlampau tinggi. Mereka juga tidak diberikan sesalinan surat perjanjian.

Untuk mengelakkan insiden tersebut, pengguna dinasihati supaya tidak terburu-buru membuat pinjaman. Mereka perlu menyiasat terlebih dahulu latar belakang sesebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang.

Menurut **Akta Pinjaman Wang 1951 (Akta 400)**, pemberi pinjam wang (PPW) ialah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan pinjaman wang yang didaftarkan di bawah Akta Pinjaman Wang 1951. PPW perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam akta tersebut. Sebagai contoh, menurut **seksyen 18 Akta 400**, PPW hendaklah menyimpan dengan teratur tiap-tiap akaun peminjam. Akaun tersebut hendaklah ditulis dalam turutan dengan angka dan perkataan yang jelas. Akaun tersebut tidak boleh memudahkan penghapusan, penyisipan atau penggantian mana-mana muka surat. Mana-mana PPW yang tidak mematuhi kehendak tersebut tidak boleh menguatkuasakan tuntutan-tuntutan mereka.

Peminjam pula hendaklah diberikan pernyataan atau maklumat yang tidak mengelirukan bagi setiap pinjaman yang dibuat. Setiap pinjaman hendaklah menggunakan borang pinjaman yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sahaja, selaku pengawal selia PPW, iaitu Jadual J (pinjaman tanpa cagaran) atau Jadual K (pinjaman dengan cagaran). Peminjam berhak untuk diberikan satu salinan perjanjian secara percuma. Peminjam juga hendaklah mendapatkan resit bayaran bagi setiap bayaran balik pinjaman yang dibuat. Peminjam turut diingatkan supaya **tidak menandatangani borang perjanjian yang kosong**. Sebarang transaksi pembayaran pinjaman hendaklah diterima selepas perjanjian diisi penuh, dimatikan setem dan pembayaran dibuat di pejabat PPW yang berkenaan.

Jika peminjam gagal menjelaskan hutang kepada PPW:

a) Mengikut perjanjian pinjaman di bawah tajuk 'hak tindakan', jika peminjam gagal melunaskan hutangnya dalam tempoh 28 hari selepas tempoh genap tarikh bayaran ansuran atau melakukan perbuatan kebangkrapan secara terpaksa atau sukarela, PPW berhak untuk menamatkan perjanjian tersebut;
b) PPW dikehendaki memberi notis 14 hari bagi tujuan menamatkan perjanjian itu;
c) Jika dalam tempoh tersebut peminjam tidak dapat juga menjelaskan hutangnya, PPW berhak untuk menamatkan perjanjian tersebut;
d) Tindakan menuntut baki jumlah hutang termasuk faedah serta lain-lain kos guaman dan mahkamah akan dituntut oleh pihak PPW di mahkamah; dan
e) Jika pinjaman bercagar, PPW berhak ke atas cagaran tersebut mengikut proses undang-undang.

Pengguna boleh mengetahui perbezaan antara PPW yang sah atau haram melalui iklan. Mengikut Peraturan 8, Peraturan-peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan), setiap iklan sama ada dalam bentuk papan iklan, kain pemidang atau kad mesti mengandungi butir-butir berikut:

a) Nombor lesen PPW dan tarikh pengesahannya;
b) Nombor permit iklan;
c) Nama, alamat dan nombor telefon PPW berlesen; dan
d) Kadar faedah yang ditawarkan.

Cara lain untuk peminjam mengenal pasti sama ada sesuatu premis itu menjalankan perniagaan pemberi pinjam wang secara sah adalah melalui portal KPKT, di alamat www.kpkt.gov.my atau boleh berhubung terus melalui talian telefon 03-8000 8000, atau datang sendiri ke Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 22, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

iMSME

POWERED BY CGC

Platform Rujukan Pembiayaan/Pinjaman
PKS yang Pertama di Malaysia

Tanpa Cagaran • Mudah • Maklumbalas dalam 2 Hari

Layari imsme.com.my

HANYA 4 LANGKAH MUDAH

LANGKAH 1
Sila masukkan maklumat anda

Gunakan kalkulator kami bagi mendapatkan produk yang memenuhi keperluan anda.

LANGKAH 2
Kongsi tentang perniagaan anda

Maklumat perniagaan anda adalah penting untuk kami. Ini akan membantu kami bagi mendapatkan padanan terbaik mengikut kesesuaian perniagaan anda.

LANGKAH 3
Pendaftaran

Sila masukkan maklumat anda dan jawab beberapa soalan mudah untuk proses pengesahan.

LANGKAH 4
Banding dan pilih

Pilihlah produk yang terbaik dan pihak bank akan menghubungi anda dalam tempoh dua (2) hari bekerja!

*Tertakluk kepada terma dan syarat.



Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)

Disokong oleh BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA